

# 5,000 lot kedai di GM Klang pada 2023

**KLANG 5 April** - Kira-kira 5,000 lot kedai bakal disediakan kepada para pengunjung ke pusat pemborong, GM Klang di Taman Botanic di sini apabila semua fasa pembinaan siap sepenuhnya seawal 2023.

Pengarah Urusan Gamuda GM Klang Sdn. Bhd., Datuk Lim Seng Kok berkata, dengan siapnya semua fasa juga secara tidak langsung dapat menyediakan kira-kira 20,000 peluang pekerjaan khususnya kepada penduduk berhampiran.

Menurutnya, pulangan hasil juga akan menjadi berlipat kali ganda berikutan pada tahun lalu sahaja dianggarkan sebanyak RM1.5 bilion diperolehi oleh para peniaga di kompleks berkenaan.

"GM Klang sudah pun melalui pembangunan fasa ketiga dengan pembinaan sebuah lagi bangunan baharu dikenali sebagai blok B. Blok B dijangka memulakan operasi pada hujung tahun depan yang

secara tidak langsung menambah sebanyak 1,300 buah kedai jualan borong lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis perasmian blok A yang disempurnakan oleh Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali di sini semalam.

Blok A setinggi lima tingkat terbabit yang menyediakan 700 buah kedai mula beroperasi pada Oktober 2012.

Pelbagai barangan ditawarkan kepada pembeli pada harga jualan borong seperti pakaian, kosmetik, alat tulis, permainan dan peralatan elektrik di blok A.

Fasa seterusnya yang sedang dalam pembinaan adalah



**LIM SENG KOK**

blok B yang bakal mengetengahkan fesyen antarabangsa terkini dengan satu tingkat dikhaskan kepada busana dan aksesori Muslim, manakala blok C lebih menumpukan barangan keperluan rumah, pejabat serta binaan bangunan.

Seng Kok menambah, pihaknya berhasrat untuk menempatkan

sekurang-kurangnya 25 peratus peniaga dari rantau ASEAN, Asia Barat, Bangladesh, China, India dan Pakistan.

"Kehadiran peniaga asing dapat membantu dalam menyediakan kepelbagaian citarasa antarabangsa selain memperkenalkan sesuatu yang baharu," ujarnya.



**SEORANG** pengunjung ditemani anak lelakinya meninjau barangan yang dijual di Pusat Pemborong GM Klang sempena perasmianya, kelmarin. - UTUSAN/IZHAM JAAFAR